

SOALAN NO: 110

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH: 12 JUN 2014

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-**

- (a) adakah proses pengendalian kes-kes di Mahkamah Perindustrian memuaskan; dan
- (b) adakah undang-undang industri akan diperkemaskan. Jika tidak, mengapa tidak

PR-1322-L62916

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kes-kes yang dikendalikan di Mahkamah Perusahaan sebahagian besarnya adalah kes-kes yang dirujuk oleh YB Menteri Sumber Manusia iaitu kes pembuangan kerja di bawah seksyen 20(3) dan kes-kes pertikaian

perusahaan di bawah seksyen 26 (1) dan 26(2), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

2. Selain daripada itu, Mahkamah Perusahaan juga mengendalikan kes-kes yang dirujuk terus seperti berikut:

- i. Ketidakpatuhan award / perjanjian kolektif
- ii. Tafsiran ke atas award/ perjanjian kolektif
- iii. Variasi ke atas award/perjanjian kolektif
- iv. Persoalan Undang-Undang
- v. Pindaan terhadap perjanjian kolektif

3. KPI (*Key Performance Indicator*) bagi kes pembuangan kerja hendaklah diselesaikan dalam tempoh 16 bulan manakala KPI bagi kes-kes selain daripada pembuangan kerja hendaklah diselesaikan dalam tempoh 12 bulan.

4. Dalam menyahut seruan transformasi kerajaan dan memperkasakan perkhidmatan awam ini, Mahkamah Perusahaan komited di dalam usaha meningkatkan kualiti kerja dan penambahbaikan proses pengendalian kes ke arah peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan demi kepuasan pelanggan.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Bagi menjawab pertanyaan kedua berkaitan undang-undang industri, untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Sumber

Manusia (KSM) dalam proses pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (APP 1967). Pihak KSM, telah mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi mendapatkan pandangan serta cadangan berhubung pindaan APP 1967. Berdasarkan kepada maklumbalas yang diberi oleh *stakeholders*, pihak KSM telah berusaha untuk mempertimbangkan setiap cadangan pindaan dengan mengambil kira pandangan mereka. Untuk pengetahuan Tuan Yang Dipertua, pindaan kali ini akan menekankan kepada penambahbaikan terhadap proses penyelesaian kes representasi pemulihan kerja dan pertikaian perusahaan serta proses tuntutan pengiktirafan.